



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	TNB			

PROJEK METER PINTAR

HM, 23 Ogos
2021_17

TNB sambung pasang 600,000 lagi

Bernama

Kuala Lumpur

Lebih 600,000 lagi pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) bakal menjadi pengguna meter pintar menjelang hujung tahun ini berikutan penyambungan semula projek pemasangan meter pintar yang sebelum ini ditangguh berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0).

Pengarah Projek Advanced Metering Infrastructure (AMI) TNB, Ir Mohamed Ghous Ahmad (*gambar*) berkata, dengan penyambungan semula pemasangan meter ini, jumlah pengguna meter pintar bakal meningkat kepada lebih 1.8 juta pada penghujung tahun ini.

"Sehingga 30 Jun lalu, 1.22 juta pelanggan TNB sudah memasang meter pintar di Lembah Klang dan Melaka," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamed Ghous berkata, kerja pemasangan meter pintar disambung semula pada 1 Ogos lalu berikutan mendapat kebenaran Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) selepas terpaksa ditangguhkan ketika kawalan pergerakan penuh yang dilaksanakan sejak Jun lalu.

Menurutnya, tumpuan akan diberikan untuk memastikan prosedur operasi standard (SOP) seperti penjarakan

sosial dan pemakaian pelitup muka sentiasa dipatuhi setiap masa.

"Pemasangan meter pintar pada awal fasa ini berfokus pada bangunan bertingkat tinggi yang mempunyai pihak pengurusan bangunan di Kuala Lumpur, Selangor, Putrajaya serta Cyberjaya bagi menjaga penjarakan sosial untuk membendung penularan wabak Covid-19.

"Demi menjamin keselamatan kontraktor dan pelanggan, pemasangan meter pintar ini dibuat dengan mematuhi SOP yang ketat seperti ditetapkan

kan Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya.

Sementara itu, Mohamed Ghous berkata, TNB juga komited memastikan warga kerja dalam kalangan barisan hadapannya menerima vaksinasi di mana setakat ini 98 peratus daripada hampir 8,000 pekerja barisan hadapan TNB sudah menerima dos lengkap di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).

"Pengguna meter pintar menikmati pelbagai kelebihan termasuk dapat memantau dan mengawal penggunaan elektrik mereka menerusi gabungan portal dan applikasi myTNB. Secara amnya, lebih 60 peratus pengguna meter pintar TNB sudah pun mengguna pakai myTNB," katanya.

